

Parlimen: Liberalisasi Sektor Perkhidmatan Percepat Pertumbuhan Ekonomi - Mukhriz Bernama
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Liberalisasi sektor perkhidmatan dijangka dapat membantu mempercepat pertumbuhan ekonomi melalui proses integrasi ke dalam pasaran global.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Mahathir memberitahu persidangan Dewan Rakyat hari ini, liberalisasi 27 subsektor perkhidmatan yang diumumkan kerajaan pada 2009 itu, dapat membantu kemasukan teknologi dan kemahiran baharu ke Malaysia.

Selain menjadikan suasana ekonomi negara lebih menarik bagi pelabur asing datang melabur, pembukaan pasaran juga dapat meningkatkan kapasiti domestik dan memenuhi jurang dalam industri perkhidmatan melalui pelaburan tersebut.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Mohamed Zahrain Hashim (Bebas-Bayan Baru) yang bertanyakan keberkesanan serta impak liberalisasi sektor perkhidmatan kepada pengusaha tempatan.

Mukhriz berkata jumlah pelaburan dalam sektor itu telah meningkat sebanyak 91.8 peratus kepada RM70.4 bilion pada 2011, berbanding RM36.7 bilion pada 2010, dengan sumbangan pelabur asing juga meningkat kepada 25.4 peratus berbanding 11.2 peratus pada tempoh yang sama.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676559>